

BULETIN MIPT



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Buletin Taiping Majlis Perbandaran Taiping

JANUARI - JUN 2018



LAWATAN YB ENCIK TAN KAR HING DI JETI KELIP-KELIP KAMPUNG DEW DAN BUKIT LARUT ¹⁴

PROGRAM SESI TEH TARIK 2018 ⁷

CD PROMOSI "TAIPING UNLOCKED" TERIMA ANUGERAH ASIA PASIFIK ¹³

Menarik di dalam >>



Program Taiping Unthly Heritage Half Marathon 2018
Muka Surat | 04



Anugerah Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) 2017
Muka Surat | 07



Pokok Kurma di Majlis Perbandaran Taiping Kini Berbuah Lebat
Muka Surat | 12



Program Konservasi Burung Botak Upeh
Muka Surat | 16

ISI KANDUNGAN

Januari - Jun 2018

04

Lawatan Kerja dan Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan ke Pihak Berkuasa Tempatan

05

Taiping Sebagai Perintis Bandar Mesra Usia

06

Operasi Bersepadu NBOS Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Kesihatan Daerah

07

Anugerah Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) 2017

08

Lawatan Pengenalan Antarabangsa Selamat Datang ke Taiping, Perak, Malaysia.

09

Pilihan Raya Umum ke-14

10

Pelancaran Sistem Perkongsian Basikal CycleDios

11

Aktiviti yang Dijalankan oleh Majlis Perbandaran Taiping (MPT) Sepanjang Bulan Ramadan 2018

12

Pokok Kurma di Majlis Perbandaran Taiping (MPT) Kini Berbuah Lebat

13

Anugerah CD Promosi Terbaik @ Best Promotion CD Dari Tourism Promotion Organisation

14

Lawatan Tapak dan Perbincangan di Jeti Kelip-Kelip Kampung Dew dan Bukit Larut

15

Kunjungan D.Y.A.M Dato Seri Diraja Tunku Soraya ke Zoo Taiping & Night Safari

15

Lawatan oleh YM Dato' Seri Dr. Tengku Zainal Adlin Bin Tengku Mahamood, Pengerusi Taman-Taman Negeri Sabah

16

Program Konservasi Burung Botak Upeh

17

Plastics Pollution At The Sea Harming Marine Life

Sidang Redaksi

BULETIN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Penaung

YBhg. Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff
DPMP, PMP, AMP, Yang Dipertua MPT

Penasihat

Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim., AMP, PPT
Setiausaha Perbandaran MPT

Ketua Editor

Hanim binti Ramly
Ketua Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

Editor

Nurul Huda binti Shamsuddin
(Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan)

Azyani binti Aripin
(Jabatan Zoo Taiping & Night Safari)

Diterbitkan oleh

Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan
Majlis Perbandaran Taiping

Diterbitkan untuk



Wisma Perbandaran Taiping

Jalan Taming Sari
34000 Taiping, Perak

<http://www.mptaiping.gov.my>

Majlis Perbandaran Taiping



Amanat Tahun 2018

YBhg. Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff,

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping

Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Alhamdulillah Rabbilalamin, marilah kita bersama-sama memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan izinNya, tahun 2017 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya sementara telah bersedia untuk terus berkhidmat dengan cemerlang di tahun 2018. Di kesempatan ini saya mengambil ruang dan peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Taiping atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksana segala tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2017. Pencapaian cemerlang tahun 2017 merupakan suatu manifestasi komitmen dan iltizam seluruh warga MPT. Tahun 2017 merupakan tahun yang cukup bermakna bagi seluruh warga jabatan dengan pencapaian Lima Bintang di dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB PBT) dan lain-lain pencapaian yang telah meningkatkan imej organisasi ke peringkat yang lebih tinggi.

MPT menutup tirai 2017 dengan banyak kenangan manis yang seharusnya menjadi kebanggaan seluruh warga kerjanya. Di samping falsafah inklusif yang diterapkan di dalam pengurusan MPT, kita telah mencipta beberapa pencapaian yang membanggakan menerusi kerjasama erat baik secara dalaman mahupun bersama dengan masyarakat tempatan. Hasilnya, pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diterima di peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa. Sebanyak lapan anugerah dan pengiktirafan yang diterima pada tahun lepas iaitu :-

- i. Anugerah Cemerlang Pencapaian Penarafan 5 Bintang Dalam Provider Based Evaluation
- ii. Anugerah Gerai Terbersih Tempat Ketiga (Medan Selera Station FMS) Kategori A
- iii. Anugerah Gerai Terbersih Tempat Ketiga Kategori Medan Selera (Medan Selera Rampai Selera, Taiping)
- iv. Anugerah Pelancongan Perak Terbaik – Bukit Larut
- v. Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak 2017 – Naib Johan
- vi. Anugerah MTC Gold Awards 2017 Kategori Destinasi Pelancongan Warisan & Eko
- vii. Anugerah 'Best City & Town Park' – Kategori Taman Tasik Taiping
- viii. Sijil Pematuhan Asean Clean Tourist City Standard (ACTC) 2017

Pada tahun 2018 Majlis perlu mencari satu pendekatan yang bersesuaian dan berkesan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada masyarakat khususnya warga Taiping di samping anugerah-anugerah dari badan-badan yang diiktiraf. Saranan ini perlu diambil serius oleh pihak pengurusan MPT. Kita mahukan keseimbangan dalam meletakkan kedudukan kita sebagai sebuah PBT yang berfungsi dengan betul dan cekap dalam memberikan perkhidmatan secara jujur serta telus kepada masyarakat dan dalam masa yang sama berfungsi sebagai agensi yang perlu memenuhi aspirasi negara. Kedatangan tahun 2018 sudah tentunya akan memberi cabaran baharu kepada seluruh warga MPT. Saya menyeru seluruh warga kerja MPT untuk terus mengamalkan budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan membudayakan amalan kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi agar agenda utama jabatan pada tahun 2018 dapat dilaksana dengan jayanya selaras dengan aspirasi Transformasi Negara 2050 (TN50). Oleh itu, pelaksanaan agenda MPT bagi tahun 2018 perlu dirancang dengan strategi yang lebih kreatif dan inovatif bagi mencapai misi dan visi jabatan. Ini sangat penting agar segala tindakan yang dilakukan akan lebih sistematik, teratur dan membentuk halatuju yang jelas dan seterusnya memberi faedah kepada masyarakat. Pelaksanaan agenda 2017 yang berjaya perlu diteruskan serta ditambah baik manakala kelemahan yang dikenalpasti perlu diperbaiki dan kegagalan dijadikan teladan sebagai panduan pada masa hadapan.

Akhir kata, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, kita renungi seketika kata-kata motivasi berikut :

“KECEMERLANGAN AKAN TERCAPI APABILA, SEORANG YANG BIASA, DARI KALANGAN KELUARGA DAN KEHIDUPAN BIASA, DAN DENGAN KECERDASAN BIASA TETAPI BERUSAHA SECARA LUAR BIASA ”

WARGA MPT YANG BERJAYA MENUNJUKKAN PRESTASI YANG BAIK AKAN DIIKTIRAF SEBAGAI PEKERJA CEMERLANG



TINDAKAN PENGUATKUASAAN UNTUK MENDIDIK MASYARAKAT

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) sentiasa berusaha untuk mendidik masyarakat tempatan bagi mengingatkan mereka tentang tanggungjawab mereka dalam mematuhi peraturan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan bersama. Pada 11 Januari 2018 (Khamis), Bahagian Penguatkuasa MPT telah menjalankan 'Operasi Menurunkan Banting dan Kain Rentang Haram' yang dinaikkan tanpa kelulusan MPT. Operasi tersebut merupakan salah satu tugas mingguan anggota penguatkuasa MPT bagi mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga yang telah melakukan pelanggaran undang-undang. Selain itu, pada 14 Januari 2018 (Ahad), seramai tujuh orang anggota penguatkuasa telah menjalankan 'Operasi Penjaja Tanpa Lesen' di Pasar Aulong dan seterusnya 'Operasi Halangan di Kaki Lima Kedai' di sekitar bandar Taiping mulai 16 dan 18 Januari 2018, telah dijalankan dengan kekuatan anggota penguatkuasa seramai 15 orang. Operasi tersebut dijalankan setelah pihak MPT mendapati bahawa orang ramai serta peniaga di bandar Taiping dan Kamunting masih lagi tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis khususnya yang melibatkan syarat-syarat pelesenan.



LAWATAN KERJA DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA SETIAUSAHA BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN KE PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima lawatan kerja dan kunjungan hormat daripada Setiausaha Bahagian (SUB) Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 26 Januari 2018 (Jumaat). Lawatan tersebut telah diketuai oleh Encik Azrul Sani bin Ibrahim selaku Ketua SUB Kerajaan Tempatan dengan diiringi oleh tiga orang pegawai Kerajaan Tempatan Perak. Lawatan ini telah disambut oleh Setiausaha Perbandaran MPT, Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim bersama Ketua-ketua Jabatan MPT. Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama dalam usaha untuk memperkasakan agenda pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dengan Bahagian Kerajaan Tempatan. Satu sesi taklimat berkenaan sistem pentadbiran MPT dan info-info berkaitan jabatan-jabatan serta pencapaian yang telah diperolehi oleh MPT telah disampaikan pada sesi lawatan tersebut.



TAIPING SEBAGAI PERINTIS BANDAR MESRA USIA



Taiping bakal melaksanakan inisiatif bersama-sama Institut Penyelidikan Penuaan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha untuk menjadikan Taiping sebagai Bandar Mesra Usia. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menganjurkan satu program Town Hall Meeting atau Program Interaksi Bersama Komuniti yang bertajuk 'Taiping Ke Arah Bandar Mesra Usia' pada 21 Februari 2018 (Rabu) yang bertempat di Dewan Teratai (Penthouse) MPT. MPT telah menasaskan kehadiran yang ramai daripada beberapa kumpulan sasaran seperti Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Sivil (MMS), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Jawatankuasa Penduduk, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta masyarakat tempatan untuk turut sama hadir ke program ini bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang inisiatif yang akan dilaksanakan dan faedah yang akan dapat dinikmati oleh komuniti warga emas di Taiping. Yang Berbahagia Profesor Dr. Tengku Aizan binti Hamid, Pengarah Institut Penyelidikan Penua Malaysia (MyAgeing) dari UPM dijemput sebagai panel bagi menyampaikan taklimat.



PROGRAM TAIPING UNITY HERITAGE HALF MARATHON 2018

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Larut Matang, Selama dan Kerian telah bersama-sama membantu Jawatankuasa Permuafakatan Rukun Tetangga Larut menganjurkan acara 'Taiping Unity Heritage Half Marathon 2018' pada 25 Februari 2018 (Ahad) yang bertempat di Padang Esplanade, Taiping. Acara ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 1,200 orang peserta. Terdapat 11 kategori yang dipertandingkan bagi peserta lelaki dan perempuan bermula dari kategori pelajar sekolah di bawah umur 12 tahun sehingga senior veteran berumur 55 tahun dan ke atas. Selain itu, pihak penganjur juga turut mengadakan 'VIP Fun Run' bagi meraikan kehadiran VIP semasa sesi pelepasan. Di samping itu, hadiah utama yang ditawarkan adalah berupa wang tunai sebanyak RM50 hingga RM400 bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Pingat dan sijil penyertaan juga diberikan kepada pelari yang mendapat tempat pertama hingga 50 sahaja. Perasmian acara ini telah disempumakan oleh Yang Berhormat (YB) Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, ADUN Kamunting.



LAWATAN PEMERIKSAAN PENGAUDITAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI MAJLIS PERBANDARAN TAIPING OLEH KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima kunjungan lawatan pemeriksaan pengauditan bagi pengurusan perolehan kontrak sewaan kamera litar tertutup (CCTV) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mulai 12 dan 13 Mac 2018. Lawatan ini telah diketuai oleh Encik Lai Ming Soon, Timbalan Ketua Audit Dalam dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Encik Razak bin Fahaaruddin selaku Audit Dalam dan Encik Zuraidi bin Idris, wakil dari Jabatan Kerajaan Tempatan. Setakat ini bilangan CCTV yang terdapat di beberapa lokasi di sekitar Taiping ialah sebanyak 20 unit yang mana lokasi yang dipilih tertumpu di Jalan Taming Sari, Jalan Kota, Jalan Panggung Wayang dan sebagainya. Sehubungan itu, Unit Penguatkuasa MPT telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan skrin monitor CCTV MPT di Bahagian Penguatkuasa Wisma MPT dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pemasangan CCTV ini bertujuan untuk mengatasi isu-isu seperti vandalisma, kemalangan, rompakan, kes ugut dan lain-lain. Selain itu, CCTV ini juga telah dilengkapi dengan alat pembesar suara bagi membolehkan pengendali dapat berkomunikasi dengan masyarakat yang berada dalam lingkungan 50 meter di sekitar kawasan tersebut.

CCTV di Taiping mulai dipasang pada tahun 2013. Di antara perkara yang perlu dilakukan oleh MPT dalam pengendalian CCTV ialah :-

- i. Memastikan keadaan fizikal CCTV berfungsi dengan baik.
 - Penambahbaikan keadaan speaker yang telah terlalu mendongak.
 - Membersihkan lensa yang kotor agar imej CCTV yang kabur dapat dilihat dengan jelas.
 - Memastikan suara dapat didengari dengan jelas.
 - Memastikan cacing kabel yang berkarat dan reput diganti baru.
- ii. Menyelaras semula pengurusan dalaman CCTV dengan meningkatkan kreativiti penggunaannya.
- iii. Menyusun semula sumber pengurusan manusia.
- iv. Menyelaraskan manual pengurusan penggunaan CCTV daripada segi skrip, jadual dan sebagainya.

OPERASI BERSEPADU NBOS BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) DAN PEJABAT KESIHATAN DAERAH

Pada 27 Mac 2018, Bahagian Penguatkuasa Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menjalankan operasi bersepadu NBOS bersama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Taiping dengan memeriksa beberapa premis kedai makan dan restoran di sekitar kawasan Taiping dan Simpang. Operasi tersebut dijalankan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang yang sedia ada dan digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan. Selain itu, pemeriksaan lesen perniagaan dan persediaan daripada unsur-unsur rasuah turut dipantau oleh pihak SPRM.



PROGRAM SESITEH TARIK 2018

Pada 29 Mac 2018 (Khamis) telah berlangsung satu program Sesi Teh Tarik 2018 bersama-sama pengiat Industri Pelancongan Daerah Larut dan Matang bertempat di Ballroom Tingkat 1, Hotel Taiping Perdana. Program ini telah dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff sebagai tetamu kehormat bersama wakil-wakil agensi pelancongan peringkat negeri Perak. Program ini juga telah berjaya menarik perhatian seorang tokoh yang amat terkenal dalam industri pelancongan di peringkat antarabangsa iaitu Yang Mulia Dato Seri Dr. Tengku Zainal Adlin, Pengerusi Sabah Parks untuk hadir bagi menyampaikan taklimat dan perkongsian pengalaman beliau khususnya dalam membangunkan pelancongan Negeri Sabah. Dalam majlis tersebut, Yang Berbahagia Dato' Yang Dipertua MPT telah merasmikan Buku Fascinating Taiping 'Taiping The Guided', sebuah buku panduan pelancongan yang diterbitkan oleh MPT secara usaha sama dengan pengiat-pengiat industri di Taiping.



ANUGERAH MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS (MLAA) 2017

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima Anugerah Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) dari Institute of Landscape Architect Malaysia (ILAM). ILAM telah menganugerahkan projek landskap yang bertajuk 'Taiping- Where It All Begin' oleh MPT sebagai ILAM MLAA Excellent Award 2017 bagi kategori kerajaan untuk Anugerah Inisiatif Hijau. Penyampaian anugerah tersebut telah diadakan pada 21 April 2018 (Sabtu) bersempena dengan Bulan Sambutan Arkitektur Landskap Sedunia yang bertempat di Majestic Hotel Kuala Lumpur. Anugerah tersebut merupakan hasil penilaian oleh para juri daripada ILAM yang telah diadakan pada 28 hingga 29 Januari 2018. Rombongan yang diketuai oleh LAr. Shariffah Mohamed, CEO ILAM Centre Of Excellent telah mengadakan lawatan tapak di sekitar Taiping baru-baru ini. Penyampaian anugerah tersebut telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Mohammad bin Mantek, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT.



Taiping Where it all Began
Taiping, Perak



The Local Authority has always strived again a healthy, urban lifestyle with multiple components of green attributes to boost planning. Environmentally conscious initiatives have focused on providing a green environment, with the community's involvement.

A priority in the project was to be realized by the community themselves, which offers an open platform with an end approach to the art of life. The Local Authority is committed with the intention to nurture urban development, as a community based approach, and to develop an aspect of the town that leads to the green. In 2017, the Local Authority has been awarded the award for the project.

Along the way, the project has been a success story. The project has been a success story and it has provided a healthy, Taiping lifestyle. The project has been a success story and it has provided a healthy, Taiping lifestyle. The project has been a success story and it has provided a healthy, Taiping lifestyle.

Project Title:
Rauhan Walk
Location:
Taiping, Perak
Client:
Majlis Perbandaran Taiping
Project Manager:
Majlis Perbandaran Taiping
Project Completion:
2017

LAWATAN PENGENALAN (ANTARABANGSA) SELAMAT DATANG KE TAIPING, PERAK, MALAYSIA



Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah berkolaborasi dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk menganjurkan program Lawatan Pengenalan (Fam Trip) yang bertajuk 'Selamat Datang Ke Taiping, Perak, Malaysia' untuk mempromosikan produk pelancongan Taiping ke peringkat antarabangsa. Lawatan tersebut telah diadakan mulai 9 hingga 13 April 2018. Fam Trip ini adalah merupakan salah satu daripada lima komponen dari Program Pelaksanaan, Pemasaran dan Promosi Bersepadu, Greater Kamunting Transformation Blueprint 2014-2030. Seramai 30 orang peserta terlibat dalam program ini yang terdiri daripada wakil agensi pelancongan, wakil media dan blogger dari sepuluh buah negara seperti Korea Selatan, Jerman, China, Ukraine, Thailand, Taiwan, Itali dan Kemboja. Kos keseluruhan lawatan telah ditaja oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) termasuklah tiket penerbangan para peserta, penginapan, makan dan minum serta perbelanjaan lain. Para peserta dikehendaki untuk mempromosikan bandar Taiping dan produk pelancongan kepada negara mereka selain berkongsi pengalaman mereka ketika berada di Taiping.

PROGRAM PLOGGING – BERIADAH SAMBIL MENGUTIP SAMPAH

'Program Plogging' – 'Beriadah Sambil Mengutip Sampah' anjuran Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah berlangsung pada 20 April 2018 dan melibatkan beberapa lokasi di sekitar Taman Tasik Taiping, di kaki Bukit Larut dan di Zoo Taiping & Night Safari. Program ini merupakan inisiatif MPT untuk meneruskan kesinambungan program Kempen 'Perak Yang Bersih' menerusi program aktiviti bergotong-royong pembersihan dan rekreasi di sekitar Taiping. Selain itu, ia adalah salah satu langkah untuk memupuk kesedaran ke arah mewujudkan budaya menjaga kebersihan persekitaran di samping mengekalkan imej Taiping sebagai bandar bersih dan sihat. Program ini akan diadakan secara bulanan iaitu pada setiap hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan mulai bulan April 2018. Perasmian Plogging- 'Beriadah Sambil Mengutip Sampah' (Picking Up Trash While Jogging) telah disempumakan oleh Yang Dipertua MPT, Yang Berbahagia Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff dan telah disertai kira-kira 250 orang tetamu yang terdiri daripada Tuan Haji Borhan bin Abd Halim, Setiausaha Perbandaran, Ahli-ahli Majlis MPT, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Sivil (MMS), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Persatuan-persatuan, kakitangan MPT dan orang awam.



HATYAI SEPAK TAKRAW CHAMPIONSHIP 2018

Pasukan Sepak Takraw Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir dalam perlawanan Hatyai Sepak Takraw Championship 2018 anjuran Majlis Perbandaran Hatyai bermula pada 20 hingga 22 April 2018 di Stadium Jiranakorn Hatyai, Thailand. Pasukan tersebut yang diketuai oleh Encik Harry Herman Mokhtar, dari Jabatan Penilaian telah berjaya menewaskan Pasukan Pulau Pinang dan Kelab Thailand pada peringkat kumpulan dan seterusnya telah berjaya mara ke peringkat suku akhir menentang pasukan Malaysia. Pasukan Sepak Takraw MPT tetap mempamerkan semangat juang yang tinggi dalam memburu pencapaian yang lebih cemerlang dalam perlawanan yang akan datang. Pasukan Sepak Takraw MPT telah berjaya menggondol tempat ketiga pada tahun 2016 dan 2017 ketika menyertai perlawanan yang sama sebelum ini.



PILIHAN RAYA UMUM KE-14



Bersempena dengan Pilihan Raya Umum Ke-14, Dewan Perbandaran Taiping telah dijadikan sebagai salah sebuah pusat penamaan calon pada 28 April 2018 (Sabtu) serta pusat penjumlahan rasmi undi pada 9 Mei 2018 (Rabu) iaitu pada hari Pilihan Raya Umum Ke-14. Yang Dipertua MPT, Yang Berbahagia Dato' Abdul Rahim bin Md Ariff telah dilantik sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya bagi Parlimen P.060 Taiping. Beliau telah dibantu oleh enam orang Penolong Pegawai Pengurus yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan di MPT. Di samping itu, petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga turut melibatkan para pegawai MPT yang lain seperti Ketua Tempat Mengundi, Kerani Undi, Kerani Pengira Undi dan Kerani Undi Pos bagi membantu melancarkan perjalanan pengurusan berkaitan pilihan raya pada tahun ini.

SAMBUTAN HARI BUMI 2018

Sambutan Hari Bumi pada 22 April 2018 merupakan acara tahunan yang disambut setiap tahun di seluruh dunia bermula pada tahun 1970 dan sambutan pada tahun ini merupakan Sambutan Hari Bumi yang ke-48. Sambutan ini adalah sebagai satu usaha untuk menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di dalam kalangan masyarakat untuk bersama-sama melindungi bumi dan alam sekitar di samping mengajak masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha memastikan keindahan alam semulajadi dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Tema sambutan kali ini adalah 'End Plastic Pollution' atau 'Hentikan Pencemaran Plastik' bagi mengurangkan impak sisa plastik kepada alam sekitar. Penggunaan plastik dalam kehidupan kita di bumi yang tidak terkawal mendatangkan bahaya bukan sahaja kepada manusia tetapi juga flora dan fauna. Sisa plastik yang dihasilkan di daratan sekiranya tidak diuruskan secara mesra alam akan mencemari air sungai dan laut. Secara langsung boleh mengakibatkan kemerosotan tahap kualiti hidupan marin, merosakkan pemandangan pantai dan mendatangkan pelbagai jenis penyakit yang boleh mengancam nyawa.



PELANCARAN SISTEM PERKONGSIAN BASIKAL CYCLEDIOS

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah bekerjasama dengan CycleDios Berhad untuk mewujudkan Sistem Perkongsian Basikal CycleDios di sekitar Taiping. Bandar Taiping merupakan daerah pertama di negeri Perak yang melaksanakan sistem perkongsian basikal berkenaan. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Setiausaha MPT, Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim bersama dengan Pegawai Perhubungan CycleDios Berhad, Camees Foong pada 4 April 2018 (Rabu), bertempat di Stesen FMS Taman Tasik Taiping. Tujuan utama pelancaran ini adalah untuk menyediakan kemudahan sewaan basikal agar dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara di sekitar bandar ini.



Sebanyak 300 buah basikal telah dilancarkan pada majlis tersebut di mana basikal tersebut telah dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku terhadap basikal dan penyewanya. Terdapat 27 stesen telah disediakan untuk para pengunjung menyewa basikal dan stesen tersebut turut memaparkan cara penggunaan dan penyewaan basikal menerusi aplikasi telefon pintar. Selain itu, stesen-stesen ini juga meliputi laluan Jejak Warisan Taiping sepanjang 15 km. Jalanan kerjasama selama tujuh tahun antara kedua-dua pihak ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara selain dapat terus mempromosikan Taiping sebagai bandar warisan.

PROGRAM SESI PENYERAHAN APRON KEPADA PENIAGA DI BAZAR RAMADAN KAMUNTING 2018

Bersempena sambutan bulan mulia, Ramadan tahun ini, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah dipilih sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama untuk menjalin kerjasama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia) bagi menjayakan kempen 'Hargai Makanan, Elakkan Pembaziran'. Majlis ini telah berlangsung pada 21 Mei 2018 bertempat di Bazar Kamunting, Taiping. Hasil kolaborasi tersebut akan diteruskan ke 14 PBT yang lain di dalam negeri Perak di mana lokasi kedua kempen ini adalah di Tanjung Malim pada 23 Mei. Kempen ini dianjurkan sempena bulan Ramadan dan satu sesi penyerahan apron kepada para peniaga telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Muhd Fadhi, ADUN Kamunting dan Yang Berbahagia Dato' Abd Rahim Md Ariff, Yang Dipertua MPT bersama Pengarah SWCorp Malaysia Negeri Perak, Fatimah Ahmad bertempat di Tapak Bazar Ramadan Kamunting. Bazar Ramadan Kamunting dipilih sebagai lokasi penyerahan



tersebut kerana ia merupakan bazar yang terbesar di dalam Taiping di mana terdapat 140 tapak bagi makanan sedia masak dan minuman sedia bancuh, 18 tapak bagi jualan makanan berbakar dan enam tapak bagi jualan minuman berproses. Sebanyak 20 beg guna semula diedarkan kepada pengunjung bertuah dan 164 apron kepada orang peniaga. Program seumpama ini bertujuan untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan masyarakat untuk mengelakkan pembaziran makanan di dalam bulan Ramadan di samping dapat menerapkan prinsip 3R—Reduce, Reuse dan Recycle dalam kehidupan seharian masyarakat dan memberi peringatan kepada para peniaga supaya sentiasa menjaga kebersihan diri semasa menjalankan pemiagaan.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (MPT) SEPANJANG BULAN RAMADAN 2018

Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia, Majlis Perbandaran Taiping bersama Kelab Sukan dan Kebajikan, MPT telah melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah organisasi yang prihatin terhadap keperluan staf dan komuniti yang memerlukan, baik dari segi bantuan barangan dan wang ringgit mahupun dari segi ilmu pengetahuan serta bimbingan rohaniah. Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan di sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini ialah Program Ziarah Ramadan, Program Ceramah Ramadan, Program Edaran Kurma bersama penganjur, YB Nga Kor Ming, Edaran Bubur Lambuk bersama penaja, Bank Persatuan Cawangan Taiping dan Program Kuliah Dhuha bersama Humanitarian Malaysia (MyCare) bagi membantu masyarakat Palestine. Alhamdulillah, diharapkan dengan adanya program-program seperti ini akan mengeratkan silaturahim antara MPT dengan staf dan masyarakat umum. Majlis mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini.



Program Edaran Lemang di Bazar Cross Street

Mengambil keberkatan di bulan Ramadan dan bagi meraikan bulan Syawal yang bakal menjelang tiba, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) buat kali ketiganya menganjurkan Program Edaran Lemang kepada pengunjung Bazar Cross Street. Program tahunan yang berlangsung pada 13 Jun 2018 (Rabu) bersamaan 28 Ramadan ini telah dijayakan bersama kumpulan badan amal yang dipanggil Taiping Care yang hadir bersama-sama 30 orang kanak-kanak Asnaf dan Ahli Jawatan Kuasa dari beberapa kawasan sekitar daerah Larut Matang.

Sebanyak 350 potong lemang telah diedarkan kepada orang ramai dan dalam program ini juga pihak MPT turut menyediakan duit raya kepada setiap anak-anak Asnaf yang berusia antara 8 hingga 17 tahun. Selain MPT, pihak Taiping Care juga turut menyampaikan sumbangan berbentuk duit raya dan tuala badan kepada setiap anak-anak Asnaf. Wakil Taiping Care yang hadir ialah Puan Rozilah, Setiausaha Taiping Care serta beberapa AJK yang telah membantu menyediakan pengangkutan pergi dan balik untuk anak-anak asnaf dalam majlis tersebut.

Acara penyampaian lemang dan duit raya ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Borhan bin Abd. Halim, Setiausaha Perbandaran. Turut mengiringi beliau ialah Encik Syahrul Nizam bin Bahrom, Pengarah Perancang Bandar MPT.



Pokok Kurma di Majlis Perbandaran Taiping Kini Berbuah Lebat

Phoenix Dactylifera @ Date Palm atau lebih dikenali sebagai Pokok Kurma yang telah ditanam di sekitar kawasan Wisma Perbandaran Taiping kini telah berbuah lebat. Iklim panas dan kering yang bersesuaian memainkan peranan penting dalam pembiakan buah kurma tersebut. Terdapat tiga dari 17 pokok kurma spesis Phoenix Dactylifera yang ditanam dan diselenggara oleh Majlis Perbandaran Taiping di Dataran Warisan telah berjaya menghasilkan tandanan buah kurma yang lebat baru-baru ini. Semasa ditanam pada 8 April 2016, pokok-pokok ini telah berusia empat tahun dan dengan penggunaan teknik penjagaan yang rapi dan betul secara berkala, pokok-pokok tersebut telah menghasilkan buah pada usia enam tahun.

Dalam satu sesi sidang akhbar oleh Dato' Yang Dipertua, YBhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff, beliau telah melahirkan rasa teruja kerana pokok-pokok kurma yang ditanam di tempat awam ini berada dalam keadaan baik dan beliau yakin lebih banyak buah kurma akan dapat dihasilkan oleh pokok-pokok kurma yang lain di dataran tersebut. Pada masa ini, buah-buah kurma tersebut masih muda dan tidak boleh dituai sehingga pada satu masa yang sesuai. Pekerja MPT yang bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara pokok-pokok ini sentiasa memantau keadaan pokok-pokok ini bagi memastikan kesuburan pokok ini kekal terpelihara.

Justeru itu, Dato' Yang Dipertua meminta agar masyarakat untuk turut sama menjaga pokok-pokok kurma ini agar ia terhindar dari kerosakan dan vandalisma serta terus menjadi hiasan lanskap yang unik di Dataran Warisan Taiping. Sesiapa yang memetik atau memusnahkan dan memindahkan pokok kurma tersebut boleh di kompaun sebanyak RM250 dibawah Undang-undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Taiping) 1986. Sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua sekali dengan perintah YDP MPT. Pokok-pokok kurma yang dijaga dengan baik boleh mencapai jangka hayat sehingga 90 tahun.



Diskaun Kompaun 70%

Kesalahan Lalulintas 2018

Pihak Majlis Perbandaran Taiping telah memberikan diskaun kompaun sebanyak 70% bagi kesalahan lalulintas kepada para pengguna agar segera melunaskan bayaran tunggakan bagi kesalahan yang dilakukan.

Kadar kompaun sebanyak RM20.00 selepas ditolak diskaun 70% adalah RM6.00 dan RM50 adalah sebanyak RM15.00 setelah ditolak diskaun 70%. Tawaran ini tidak termasuk kompaun atau notis yang telah dikenakan tindakan mahkamah. Pemberian tawaran bayaran kompaun sebanyak 70% bermula pada 28 Mei sehingga 28 Jun 2018 di Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan (Unit Trafik)



ANUGERAH CD PROMOSI TERBAIK

@ Best Promotion CD Dari Tourism Promotion Organisation

MPT telah dipilih untuk menerima Anugerah CD Promosi Terbaik @ Best Promotion CD dari Tourism Promotion Organisation (TPO) for Asia Pasific Cities pada 22 Jun 2018 bertempat di Rex Hotel Saigon, bandar Ho Chi Minh, Vietnam. Sebanyak 45 bandar dan bandaraya di Asia Pasifik telah menyertai pelbagai kategori anugerah yang diadakan oleh TPO bersempena dengan Forum TPO Ke-8 yang berlangsung dari 20 hingga 23 Jun 2018.

Sebanyak 10 jenis kategori yang dipertandingkan iaitu :-

1. Best Marketing Campaign
2. Best Print Advertisement
3. Best Broadcast Advertisement
4. Best Festival/ Event
5. Best Promotion CD- Taiping
6. Best Tourism Brochure
7. Best Website
8. Best Tourism Manager
9. Best Tourism Industry Leader
10. Best Public Relations Campaign

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Director General Cultural & Tourism Bureau dari Busan, Korea, Encik Jung Im-soo dan diiringi oleh Setiausaha Kehormat TPO, Encik Shin Yeon-sung.



Pada tahun 2016, YBhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff telah menerima anugerah bagi kategori The Best Destination Manager dalam satu majlis gilang gemilang anjuran TPO di Sanya, China.

Anugerah yang dimenangi oleh Taiping pada tahun ini adalah di atas inisiatif MPT yang telah menghantar pencalonan dalam bentuk video dari beberapa episod 'Taiping Unlocked' dalam bahasa Korea, China dan Inggeris. Video 'Taiping Unlocked' merupakan promosi tempat-tempat pelancongan Taiping menerusi media sosial yang diterbitkan oleh Northern Corridor Implementation Authority dan MPT. Sebanyak 10 episod video 'Taiping Unlocked' telah mula dipromosikan menerusi media sosial sejak awal tahun 2018.

Taiping mula menganggotai TPO pada tahun 2015 dan sehingga kini TPO telah dianggotai oleh 86 cities members dari sembilan negara. Bandar-bandar di Malaysia yang turut menyertai TPO ialah Taiping, Kota Kinabalu, Georgetown, Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka dan Kota Bharu.

Turut menerima Anugerah ini dari Malaysia ialah :-

1. Best Print Advertisement- Georgetown
2. Best Tourism Brochure- Kota Bharu
3. Best Tourism Industry Leader- Kota Kinabalu.



Lawatan Tapak dan Perbincangan di Jeti Kelip-Kelip Kampung Dew dan Bukit Larut



YB Encik Tan Kar Hing, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri Perak telah mengadakan lawatan kira-kira lima jam ke dua produk pelancongan di Taiping iaitu di Jeti Kelip-Kelip Kampung Dew dan Bukit Larut pada 26 Jun 2018. Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan wakil-wakil dari pelbagai agensi seperti Tourism Perak, MOTAC, Tourism Malaysia, Pejabat Daerah Larut Matang dan Majlis Perbandaran Taiping. Antara aktiviti yang berlangsung ialah sesi perjumpaan bersama-sama media, mendengar pandangan NGO, melihat keadaan di Jeti Kelip-Kelip Kampung Dew, melawat Bukit Larut serta mendengar maklumat tentang pembangunan di Bukit Larut. Kehadiran YB Exco di Bukit Larut disambut oleh Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT. Diharapkan menerusi lawatan singkat ini akan membuka ruang yang lebih luas kepada YB Exco untuk mengenali Taiping sebagai destinasi pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan secara lebih agresif dan berimpak tinggi.

BUAYA JEJULONG TARIKAN TERBAHARU DI ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Zoo Taiping & Night Safari telah menerima dua ekor buaya Jejulong betina (*Tomistoma schlegelii*) dari Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang diambil dari Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungai Dusun, Selangor. Buaya Jejulong adalah sejenis reptilia air tawar yang boleh dijumpai di sungai-sungai di Asia Tenggara. Buaya ini berukuran lebih 10 kaki panjang dan di tempatkan di dua kolam buaya Jejulong sedia ada di Zoo Taiping dan Night Safari. Dengan penambahan ini menjadikan jumlah buaya Jejulong betina bertambah kepada empat ekor. Program pinjaman haiwan in adalah merupakan salah satu daripada intipati di dalam perjanjian bersama (MOU) di antara Zoo Taiping & Night Safari dengan pihak PERHILITAN. Buaya spesis ini mungkin telah pupus di selatan Negara Thai dan telah hampir pupus di Malaysia. Ancaman yang paling ketara adalah pemburuan haram dan kemusnahan habitatnya. Sehubungan itu, usaha pihak PERHILITAN menyelamatkan dan menyerahkan kepada Zoo Taiping & Night Safari secara tidak langsung menggalakkan aktiviti konservasi dan pembiakan.



11TH MAZPA FIELD TRAINING COURSE 2018

Zoo Taiping & Night Safari mula menganggotai Persatuan Taman Zoologi dan Akuaria Malaysia (MAZPA) pada tahun 1996 sehingga kini. MAZPA dianggotai oleh 23 buah zoo di Malaysia dan persatuan ini di pengurusikan oleh Dr. Kelvin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari. Pada 14 Januari 2018 hingga 23 Januari 2018, Persatuan Taman Zoologi dan Akuaria Malaysia (MAZPA) telah menganjurkan Kursus '11th MAZPA Field Training Course 2018' bertempat di Zoo Melaka & Night Safari. Seramai tiga orang pegawai dan tiga orang petugas zoo telah mewakili Zoo Taiping & Night Safari bagi menghadiri kursus ini. Tujuan kursus ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan tentang aspek biology husbandry and management dan melatih kakitangan untuk mencapai satu standard yang lebih baik pada masa akan datang bagi mencapai World Class Zoo. Di samping itu, para kakitangan dapat mempelajari pengendalian haiwan termasuk keselamatan, kesihatan dan keselesaan haiwan yang dipelihara. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus ini berlangsung ialah latihan dan kerja-kerja di lapangan zoo, seminar atau workshop yang disampaikan oleh penceramah yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang zoologi, latihan bagi program pengkayaan atau Enrichment Program, latihan keselamatan dan kesihatan di zoo, sesi perkongsian ilmu dan pengalaman. Antara kakitangan zoo-zoo lain dan pelbagai lagi pengisian serta pembelajaran yang dijalankan sepanjang kursus ini berlangsung. Penganjuran MAZPA Field Training Course 2018 yang merupakan penganjuran kali ke-11 dan akan diadakan pada setiap tahun di zoo-zoo yang berbeza, supaya objektif MAZPA untuk melatih lebih ramai kakitangan zoo dapat diteruskan.



KUNJUNGAN D.Y.A.M DATO SERI DIRAJA TUNKU SORAYA KE ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Pada 6 Mei 2018, Zoo Taiping & Night Safari telah menerima kunjungan D.Y.A.M Dato Seri Diraja Tunku Soraya binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama Y.A.M Datuk Seri Raja Nadzatul Shima binti Almarhum Sultan Idris Shah dan Y.A.M Tunku Syakinah binti Almarhum Tunku Badlishah. Lawatan ini dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai Zoo Taiping & Night Safari.

Melengkapkan kunjungan tersebut, D.Y.A.M Tunku Soraya dan golongan kerabat diraja telah melawat kesemua pameran haiwan Zoo Taiping disamping melihat sesi Animal Feeding di Zoo Taiping & Night Safari. Tunku sekeluarga yang amat pencinta haiwan, sangat teruja melihat pameran haiwan-haiwan Zoo Taiping & Night Safari dan telah memberi maklum balas yang positif terhadap pengurusan haiwan-haiwan di sini.



Kunjungan ini merupakan satu penghargaan kepada Zoo Taiping & Night Safari ke atas usaha-usaha yang telah dilakukan Zoo Taiping & Night Safari oleh dalam melaksanakan program konservasi dan pemeliharaan flora dan fauna.

LAWATAN OLEH YM DATO' SERI DR. TENGGU ZAINAL ADLIN BIN TENGGU MAHAMOOD, PENERUSI TAMAN-TAMAN NEGERI SABAH

Pada 28 dan 29 Mac 2018 yang lalu, Zoo Taiping & Night Safari telah menerima kunjungan hormat oleh YM Dato' Seri Dr. Tengku Zainal Adlin Bin Tengku Mahamood, Pengerusi Taman-taman Negeri Sabah. Kunjungan beliau bersama-sama dengan tetamu lain telah disambut oleh Dr. Kelvin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari. Beliau dan tetamu telah dibawa melawat sekitar Zoo Taiping dan menyaksikan sesi beri makanan kepada haiwan. Kunjungan ini telah memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak kerana berpeluang untuk bertukar pendapat dan idea berhubung penambahbaikan dan sistem pengurusan hidupan liar. Lawatan ini dilihat dapat memupuk jalinan kerjasama yang erat di antara Zoo Taiping dan Taman-taman Negeri Sabah.



MARMOSET DAN BURUNG MERPATI EMAS SEBAGAI TARIKAN BAHARU ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI



Zoo Taiping & Night Safari telah menerima seekor Marmoset Telinga Hitam (Black Tufted Marmoset) betina dan Marmoset Telinga Putih (Common Marmoset) jantan sebagai salah satu tarikan baharu. Marmoset-marmoset ini adalah sumbangan dari Kadoorie Farm dan Botanical Garden, Hong Kong, organisasi pusat menyelamat di Hong Kong. Sebelum ini Zoo Taiping & Night Safari mempunyai satu ekor Marmoset Telinga Putih dan menambah satu ekor lagi koleksi Marmoset. Manakala Marmoset Telinga Hitam merupakan haiwan baru di sini. Berat Marmoset adalah sekitar 300 hingga 350 gram. Selain itu, Zoo Taiping & Night Safari turut menerima Burung Merpati Emas (Nicobar Pigeon)

iaitu spesies burung yang sangat unik dan terdapat di sekitar Andaman, Kepulauan Nicobar, Malaysia, Indonesia, Filipina sehingga Kepulauan Solomon dan Palau. Ia merupakan di antara spesies yang terancam seperti saudaranya Burung Dodo yang disahkan pupus sejak tahun 1662. Setakat ini Zoo Taiping mempunyai lapan ekor burung Merpati Emas yang kini dipamerkan. Burung ini berukuran di antara 40-41cm dan beratnya kira-kira 613 gram.

PROGRAM **KONSERVASI BURUNG BOTAK UPEH**

Pihak Zoo Taiping & Night Safari telah mula program konservasi Burung Botak Upeh (*Mycteria Cinerea*) sejak tahun 2005 dan sebanyak 38 ekor anak telah dibiak di dalam kurungan. Pada tahun 2016, satu program perlepasan Burung Botak Upeh, telah dilaksanakan di Zoo Taiping & Night Safari dengan tujuan, mewujudkan satu populasi yang bebas di dalam kawasan zoo. Pada tahun 2016, 12 ekor anak yang telah dibiak di Zoo Taiping telah dilepaskan di kawasan zoo. Dari jumlah ini, 10 ekor telah kekal di kawasan zoo. Pada tahun 2017, empat ekor anak telah menetas pada pertengahan tahun 2017, telah dilepaskan. Pada tahun ini, Burung Botak Upeh yang telah dilepaskan telah membuat sarang di dalam kawasan zoo, berhampiran dengan pameran. Burung Botak Upeh di zoo. Dianggarkan lima hingga enam sarang telah dibuat dan sehingga hari ini lima ekor anak-anak telah terbang dan masih ada anak di sarang yang belum terbang. Di dalam kurungan, pembiakan Burung Botak Upeh turut menunjukkan hasil positif, dimana dua anak burung telah ditetaskan. Dengan pembiakan di kawasan zoo, program perlepasan ini boleh dikatakan telah berjaya. Spesies yang dianggap terancam oleh Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN) iaitu Burung Botak Upeh (*Mycteria Cinerea*) kini berjaya dibiak dan hidup bebas sekitar dan di luar kawasan Zoo Taiping. Di kawasan negeri Perak burung ini banyak didapati di Kuala Gula, namun spesies ini sudah tidak lagi kelihatan atau berkurangan di kawasan itu susulan kawasan hutan paya bakau yang semakin terjejas. Burung berkenaan adalah jenis yang sensitif dan sukar membiak jika habitatnya terganggu sama ada berpunca dari manusia atau pembangunan. Di antara bulan Mac hingga Julai kandang pameran Burung Botak Upeh kebiasaannya ditutup untuk kunjungan pelawat bagi memberi peluang kepada Burung Botak Upeh membiak dengan selamat.



WILDLIFE ONLINE TRADING IN MALAYSIA



Afiq Shah ▶ **PEMINAT, PEMIKAT, JUAL BELI BURUNG, SANGKAR DAN JEBAK MALAYSIA**

20 Sep at 02:29 · 🌐

Dusky leaf monkey Male / female Cute n mnje.. Berminat blh dm sy..jualan urgent
RM600 · Perak

dusky leaf monkey sepasang rm 600 ..siapa berminat boleh pm ..jualan segera



KIANG'S PETS SHOP
Exotic Pets Trusted Seller
HARGA YANG SGT BERPATUTAN
PEMBELIAN TERUS BOLEH DAN BOOKING DULU PM BOLEH
Detail Penjagaan Haiwan Diberikan
SEE TRANSLATION



Did you know that nowadays people are doing illegal online trading of wildlife in Malaysia? In 2016, the Wildlife Trade Monitoring Network (TRAFFIC) of South-East Asia tracked at least 14 social websites especially Facebook and Instagram, being used for illegal trading of wildlife in our country. This involved 70,000 people who support this illegal trade, actively giving comments and interested in buying the wildlife.

The illegal online wildlife traders are actively posting their activity by uploading the pictures of animals for sale on their social media to attract new buyers. They also upload their customer testimonies so that new buyers will feel confident in buying. According to TRAFFIC they have been observing their activity for five months and more than 300 animals from 80 species were found including 39 species that are fully protected.

Wild animals such as parrots, wild cats, eagles, owls and monkeys are sold within a price range of RM150 to RM1,500 depending on whether the animals are tame or wild and the age of the animals. A tiger cub was also up for sale by the traders for RM50,000.00

Illegal wildlife online trading activities are worrying and as a responsible society, if we find this kind of activity online, we must report it to the responsible agency (The Department of Wildlife and National Park) immediately. Day then action can be taken to reduce this illegal activity that will harm our wildlife and may lead to extinction. We must play our role in the society to protect our wildlife. We at Zoo Taiping & Night Safari and Taiping Municipal Council are saying 'NO' to the illegal online trading of wildlife. Lets' protect our wildlife!

PLASTICS POLLUTION AT THE SEA HARMING MARINE LIFE

The Journal of Science 2015 reported that results from research at 192 countries that bordering the sea producing 275 million plastics with 99.5 tons plastic waste contaminating the beach. The amounts are huge.

Did you know that more than 690 species of marine life are exposed to plastic pollutions? Approximately 17% of species of marine life swallowed plastic or are trapped in plastic that had been thrown into the ocean including threatened species in the red list of the International Union for Conservation of Nature (IUCN).

Turtles have been reported to have mistaken plastic bags for jellyfish. Jellyfish are the main food of turtles. Others sensitive marine life likes whales, dolphins and sea birds are also affected.

Malaysia is a recognized contributor to plastic pollution in the ocean. Marine Biologist and the Executive Director of the Sabah-based non-governmental organisation (NGO) the Marine Research Foundation (MRF) Dr Nicolas J. Pilcher stated that the demand for plastic in Malaysia will grow along with the nation's population due to the following reasons:-

1. People are too comfortable with plastics and are living in a disposable lifestyle;
2. There is generally not enough waste processing along riverine and coastal villages, and their waste ends up in the sea;
3. There is lack of awareness about plastics;

With the increase in production of plastics, the use of plastics and the poor management of plastic wastes, the amount of plastic into the sea becomes a major threat to marine life and also humanity. The usage of the single-use plastics is also one of the reasons why the amount of plastic waste increases. Single-use plastics, or disposable plastics, are used only once before they are thrown away or recycled. These items are things like plastic bags, straws, coffee stirrers, soda and water bottles and most food packaging.

Yes, plastic is lethal to marine life and is responsible for injuring the marine ecosystem. We humans are the medium that allow plastic wastes to enter the ocean. Therefore please think twice before throwing plastic waste and start recycling our waste product so we can protect our environment especially the marine life.

10 PLASTIC POLLUTION FACTS

- 10 YEARS** We have introduced more plastic in the last 10 years than we did in the whole of the last century. www.4mat.com
- Australians used 4 billion plastic bags last year. www.4mat.com
- Plastic bags are used for an average of 12 minutes, but it single plastic bag has a life expectancy of up to 1,000 years. www.4mat.com
- A plastic bottle will last for more than 450 years if left in a landfill. www.4mat.com
- Over 100,000 marine mammals and 1 million seabirds die every year from ingestion or entanglement in plastic litter. www.4mat.com
- Less than 9% of plastics are recycled worldwide. Contrary, only 3% percent of plastic bags used in Australia are recycled. www.4mat.com
- Plastic has remained the most common category of rubbish picked up on Clean Up Australia day over the last 20 years. www.4mat.com
- Worldwide, we throw 45,000 million plastic bags into landfills each year - or more than one million bags every minute. All these bags amount to around 100 million tonnes of rubbish. www.4mat.com
- The single most feared item worldwide is cigarette butts. www.4mat.com
- 87 plastic checked bags contain enough embedded petroleum energy to drive a car 1 kilometre. www.4mat.com

10 THINGS YOU CAN DO FOR TRASH FREE SEAS

- 1 CAN IT** USE A TRASH CAN WITH LID
- 2 TAP IT** DRINK TAP WATER IN A REUSABLE BOTTLE
- 3 STOW IT** BE A GREEN BOATER WITH OCEAN CONSERVANCY'S GOOD MATE PROGRAM
- 4 BUTT IN** WRITE YOUR LEGISLATOR ASKING FOR POLICE'S TIME ADDRESS OCEAN TRASH
- 5 REMOVE IT** CLEAN UP WITH THE INTERNATIONAL COASTAL CLEANUP WWW.SIGNUPTOCLEANUP.ORG
- 6 BUTT OUT** USE AN STRAW SO USE AN STRAW WITH A CAP AND REUSABLE DO NOT BEACH BOTTLE AND THE OCEAN
- 7 RECYCLE IT** DO THE EXTRA MILE TO SORT AND SEPARATE ITEMS THAT CAN BE RECYCLED
- 8 REUSE IT** TAKE ALONG YOUR REUSABLE COFFEE MUG, PHONE SUPPLIES OR SHOPPING BAG
- 9 REFUSE IT** BUY LESS TO REDUCE THE AMOUNT OF MANUFACTURED ITEMS ENDING UP AS TRASH IN THE OCEAN
- 10 REINVENT IT** SEND EMAILS TO COMPANIES ASKING THEM TO REDUCE PACKAGING AND CREATE NEW OCEAN-FRIENDLY MATERIALS



PAKEJ-PAKEJ PENDIDIKAN YANG BOLEH DISERTAI OLEH ORANG RAMAI



Pakej A

Lau - Fun

- Lawatan bersama Renjer Zoo (berjalan kaki & atau Keretapi mini)
- Menyaksikan sesi pemberian makanan kepada haiwan oleh petugas zoo (10am-11am)
- Aktiviti Pendidikan (30 min)
- Sekeping topeng Haiwan yang boleh diwarnakan
- Pakej ini juga sesuai untuk kanak-kanak OKU

12 TAHUN KE BAWAH

SEORANG RM15

Pakej B

Lau - Fun & Learn 1

- Lawatan bersama Renjer Zoo (berjalan kaki & atau Keretapi mini)
- Menyaksikan sesi demonstrasi pemberian makanan kepada haiwan oleh petugas zoo (10am-11am)
- Aktiviti Pendidikan (30 min)
- Menu khas makan tengahari – Nasi ayam & minuman
- Cenderahati : patung mainan, kak percula dan topeng haiwan untuk diwarnakan
- Pakej ini juga sesuai untuk kanak-kanak OKU

12 TAHUN KE BAWAH

SEORANG RM25

Pakej C

Lau - Fun & Learn 2

- Kandungan aktiviti sama seperti Pakej B kecuali aktiviti pendidikan yang akan dikendalikan dalam bentuk kuiz bertulis (Patung Mainan & Topeng untuk diwarnakan dikesualikan)

13 - 17 TAHUN

SEORANG RM25

Pakej D

X - Pirae Treasure Hunt

- Diskaun 50% bagi tiket masuk ke Zoo Taiping
- Makanan tengahari dihidang
- Sijil Penyertaan
- Hadiah istimewa untuk pemenang Pakej Perak & Emas i, Hadiah berbentuk hamper untuk pemenang berkumpulan Pakej Perak (penyertaan min. 25 orang)
- ii, Hadiah berbentuk hamper untuk pemenang berkumpulan, pertama, kedua dan ketiga Pakej Emas (penyertaan min. 25 orang)

SEORANG RM25

SEORANG RM30

SEORANG RM35

18 TAHUN KE ATAS

Pakej E

Pakej Khidmat Masyarakat Khas

- Aktiviti kerja pembersihan kawasan Zoo Taiping dan aktiviti kemasyarakatan mengikut kesesuaian masa dan jumlah penyertaan
- Minuman pagu/petang & makanan ringan
- Sijil penyertaan
- Lawatan Zoo Taiping

16 TAHUN KE ATAS

SEORANG RM25

Pakej F

Pakej Lawatan Renjer Zoo

- Harga tiket Zoo Taiping & Safari Malam dibayar berasingan
- Permohonan untuk mendapatkan harga diskaun perlu diajukan secara bertulis kepada Pengarah, Zoo Taiping & Safari Malam

18 TAHUN KE BAWAH

SEORANG RM50

Pakej G

Special Zoo Ranger Tour

- Harga tiket Zoo Taiping & Safari Malam dibayar berasingan
- Permohonan untuk mendapatkan harga diskaun perlu diajukan secara bertulis kepada Pengarah, Zoo Taiping & Safari Malam

SEORANG RM100

For further information, please contact:
 Taiping Zoo Tourism, Education & Publicity Division
 ☎ 05-8086577/05-8041045
 📠 05-8088025
 ✉ zootaiping@zootaiping.gov.my
 🌐 www.zootaiping.gov.my
 📱 zootaiping@nightsafari

Untuk tempahan pakej-pakej pendidikan, sila hubungi Cik Azyani/Puan Izzati/Puan Niza di talian 05-8086577 (Zoo Taiping & Night Safari) atau email ke zootaiping@zootaiping.gov.my



PANDUAN MENGURUS SAMPAH DENGAN BETUL

LANGKAH-LANGKAH



1

Mengasingkan sisa pepejal rumah/premis/kedai makanan.

2

Sisa pepejal yang diasing di masukkan ke dalam beg plastik sampah dan diikat kemas.



3

Masukkan sampah yang telah diikat ke dalam tong sampah bertutup.



4

Sisa pepejal akan diangkut oleh Majlis Perbandaran Taiping secara berjadual.



JOM PASTIKAN TAIPING BERSIH & INDAH

JANGAN LAKUKAN INI !



Jangan buang dalam longkang, parit dan sungai



Jangan gantung di pokok



Jangan buang di tepi jalan



Jangan gantung di pagar

PASTIKAN

**1 RUMAH
1 TONG SAMPAH
1 KEDAI
1 TONG SAMPAH**



UNTUK RUMAH

Saiz tong sampah rumah **120L**



**UNTUK KEDAI
BUKAN MAKANAN**

Saiz tong sampah kedai bukan makanan **240L**



**UNTUK KEDAI
MAKANAN**

Saiz tong sampah kedai makanan **660L**

TAHUKAH ANDA



● Komuniti Taiping membuang sampah sebanyak 250 tan sehani dan memerlukan 22 buah lori bagi mengutip sampah tersebut.

- Kuantiti sampah setahun bagi Taiping adalah 90 ribu tan yang boleh mengambus kawasan Taman Tasik Taiping.
- Kos pengurusan sampah di Taiping mencecah RM 5.8 juta setahun.
- Statistik sampah di Malaysia mencecah 37 ribu tan sehani dan 13.5 juta tan setahun menyamai 30 ribu buah kapal terbang Airbus A380 dan Menara Berkembar Petronas.

AMALKAN KITAR SEMULA UNTUK TANGANI MASALAH SAMPAH



Diterbitkan oleh :



Bahagian Korporat,
Perhubungan Awam & Pelancongan
Majlis Perbandaran Taiping
bersama-sama
Jabatan Perkhidmatan
Bander dan Kesihatan
Majlis Perbandaran Taiping